



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

POLITEKNIK
MALAYSIA
KUALA TERENGGANU

P E L A N STRATEGIK

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
2 0 1 6 - 2 0 2 0

ISI KANDUNGAN

	PERKARA	MUKASURAT
1.0	PRAKATA	03
2.0	PENDAHULUAN	04
3.0	LATAR BELAKANG	05
4.0	CARTA ORGANISASI	08
5.0	VISI DAN MISI	07
6.0	DASAR KUALITI	07
7.0	PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015 – 2025	08
8.0	10 LONJAKAN DALAM PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)	09
9.0	PELAN STRATEGIK POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2016-2020	10
	i. Matlamat 1 - Graduan TVET yang berkualiti	11
	ii. Matlamat 2 - Kecemerlangan bakat akademik	15
	iii. Matlamat 3 - Penghayatan pembelajaran sepanjang hayat	19
	iv. Matlamat 4 - Kemantapan tadbir urus	22
	v. Matlamat 5 - Ekosistem inovasi	25
	vi. Matlamat 6 - Keunggulan global	28
	vii. Matlamat 7 - Pembelajaran dalam talian tahap global	32
10.0	JAWATANKUASA PELAN STRATEGIK PKT 2016-2020	37

1.0 PRAKATA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja Politeknik Kuala Terengganu (PKT) atas usaha yang telah digembengkan bagi menghasilkan Pelan Strategik PKT 2016-2020 ini. Saya percaya seluruh warga kerja PKT telah bersedia menyahut cabaran untuk menjadikan PKT sebagai sebuah institusi pendidikan yang sentiasa relevan dengan perubahan semasa serta mampu memenuhi harapan pihak berkepentingan, pemegang taruh dan pelanggan.

Pelan Strategik PKT 2016-2020 dibangunkan selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2020 (Pendidikan Tinggi) (PPPM – PT) yang menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Terdapat tujuh matlamat yang menjadi tunjang utama dalam pembangunan Pelan Strategik PKT 2016-2020 iaitu Graduan TVET Yang Berkualiti, Kecemerlangan Bakat Akademik, Penghayatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kemantapan Tadbir Urus, Ekosistem Inovasi, Keunggulan Global, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global.

Saya berharap seluruh warga kerja PKT akan dapat bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan visi, misi, matlamat, serta pelan tindakan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik PKT 2016-2020 ini. Perkara ini hanya mampu dicapai sekiranya seluruh warga kerja PKT sentiasa mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi yang berteraskan kepada produktiviti, inovasi dan semangat kerja berpasukan serta berani melaksanakan perubahan. Saya yakin bahawa Pelan Strategik PKT 2016 - 2020 akan melakarkan kejayaan yang lebih gemilang yang boleh kita semua banggakan.

HAJAH RADIAH BINTI CHE SU, A.M.T.

Pengarah

Politeknik Kuala Terengganu



2.0 PENDAHULUAN

Pelan Strategik PKT 2016 – 2020 digarap berlandaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 –2025 (Pendidikan Tinggi) yang menggariskan agenda transformasi pendidikan tinggi di Malaysia. Pelan ini bertujuan untuk memastikan bahawa PKT bergerak ke arah mencapai aspirasi negara terutama di dalam melahirkan modal insan yang cemerlang dan seimbang.

Berpaksikan kepada 10 lonjakan utama di dalam agenda tersebut, penetapan matlamat dan pendekatan strategik telah dirangka dengan mengambilkira kepelbagaian keserakanan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian matlamat bagi melahirkan graduan yang berkualiti, holistik dan mempunyai personaliti unggul yang dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Pendekatan strategik yang akan diambil adalah menyeluruh, bersepadu dan komprehensif yang mampu diterjemahkan di peringkat pelaksana. Berlandaskan 7 matlamat iaitu Matlamat 1 Graduan TVET yang berkualiti, Matlamat 2 Kecemerlangan bakat akademik, Matlamat 3 Penghayatan pembelajaran sepanjang hayat, Matlamat 4 Kemantapan Tadbir urus, Matlamat 5 ekosistem Inovasi, Matlamat 6 Keunggulan Global dan Matlamat 7 Pembelajaran dalam talian tahap global, adalah jelas, tepat dan mampu menggapai kecemerlangan organisasi. Pada masa yang sama, kepesatan perkembangan teknologi maklumat merupakan satu peluang untuk mempertingkatkan produktiviti dan prestasi terutama di dalam memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan dan pengurusan pendidikan bersesuaian dengan bidang teknologi maklumat yang merupakan bidang tujuhan PKT.

Oleh yang demikian Pelan strategik ini merupakan sebuah perancangan bersama yang akan membawa kepada kejayaan PKT. Walaubagaimanapun, pelan ini tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan pengurusan dan pendidikan akademik semata-mata, elemen atau unsur pembentukan sahsiah dan nilai-nilai murni juga dititikberatkan dan diterap bagi perkembangan dan pembentukan warga kerja dan graduan yang seimbang dan harmonis.

Bagi merealisasikan agenda pendidikan ini, iltizam beserta komitmen yang tinggi dan bersepadu akan dapat menahirkan matlamat dan aspirasi bersama ke arah mencapai visi dan misi PKT.

3.0 LATAR BELAKANG

Politeknik Kuala Terengganu yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kota Kuala Terengganu dengan rasminya telah ditubuhkan pada 1 Januari 1999 dengan menumpang bangunan Maktab Perguruan Pasir Panjang. Penubuhan PKKT adalah di bawah konsep kampus dalam kota. Selepas enam bulan beroperasi di Maktab Perguruan Pasir Panjang, akhirnya pada 1 Julai 1999 PKKT telah berpindah ke tapak lama bangunan Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Terengganu yang telah disewakan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pengambilan pertama adalah seramai 153 orang pada Jun 1999 untuk Program Sijil Kejuruteraan Awam sahaja. Bermula pada tahun 2003 Program Sijil Kejuruteraan Awam telah dijumpukan ke Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dan digantikan dengan Sijil Teknologi Maklumat dan Sijil Elektrik dan Elektronik. Mulai pertengahan Mei 2004, selaras dengan penubuhan kabinet baru selepas Pilihanraya Umum, Politeknik telah diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan ditukarkan namanya kepada Politeknik Kuala Terengganu (PKT). Memandangkan ruang yang agak terhad di bangunan sedia ada, pada 1 Julai 2005, bangunan tambahan telah disewa bagi menampung para pelajar yang semakin bertambah. Bangunan yang baru disewa dijadikan bilik kuliah untuk Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Walaupun bangunan tambahan telah disewa, ianya masih belum mampu menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah. Ini memaksa PKT menyewa satu lagi bangunan tambahan untuk Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada tahun 2007.

Selari dengan perkembangan pendidikan, pada sesi pengajian Julai 2009, Program Sijil telah dinaiktarafkan kepada diploma dengan penawaran Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik. Pada sesi Jun 2010, berlaku lagi perubahan dalam Jabatan Kejuruteraan Elektrik dengan penamatan Diploma Elektrik dan Elektronik dan menawarkan Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi).

Sejajar dengan keperluan untuk meningkatkan peluang pembelajaran dalam pendidikan teknikal kepada lepasan SPM maka PKT telah mengorak langkah dengan penambahan penawaran program baharu di politeknik ini mulai Sesi Jun 2014, iaitu Diploma Kejuruteraan Elektrik-Elektronik (DEE) dengan pengambilan pertamanya seramai 65 orang. Seterusnya pada Sesi Jun 2015, sekali lagi PKT menambah penawaran program Diploma Teknologi Maklumat Rangkaian (DNS) dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar serta menambah daya saing sebagai sebuah institusi yang utama dalam menawarkan latihan TVET terkemuka di Terengganu. Seramai 30 orang pelajar telah mendaftar untuk penawaran kali pertama bagi program DNS tersebut di PKT. PKT terus mengorak langkah dalam menempuh arus perubahan dan modenisasi digital agar seiring dengan perkembangan semasa dewasa ini. Seiring dengan keperluan 10 lonjakan utama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), maka mulai sesi Jun 2016 Program Diploma Teknologi Maklumat Pengaturcaraan (DIP) telah dijenamakan semula serta dinaiktarafkan menjadi Program Diploma Teknologi Digital (DDT). Ini bersesuaian dalam usaha melonjak prestasi PKT kepada tahap yang optimum dan cemerlang seiring dengan konsep "Soaring Upwards" Kementerian Pendidikan Tinggi.

5.0 VISI DAN MISI

Visi dan Misi Politeknik Kuala Terengganu dirangka selari dengan Visi dan Misi Jabatan Pengajian Politeknik. Ianya dikongsi dan dihayati bersama warga Politeknik Kuala Terengganu agar semua pihak dalam politeknik berusaha ke arah pencapaian Visi dan Misi ini.

VISI

Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri menjelang 2020

MISI

Menyediakan persekitaran pembelajaran kondusif bagi melahirkan modal insan holistik yang memenuhi keperluan industri

6.0 DASAR KUALITI

Dasar kualiti PKT adalah membangunkan potensi pelajar PKT ke arah kecemerlangan dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Teknologi Maklumat melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. PKT komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif-objektif kualiti yang disemak semula secara berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem. Dasar ini disebarikan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan.

7.0 PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)

Aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik yang membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dirangka berasaskan pencapaian semasa yang memerlukan perubahan besar agar pendidikan tinggi di Malaysia sentiasa berdaya saing seiring trend global.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Lonjakan ini akan mendorong kecemerlangan berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Lonjakan ini juga akan menjelaskan kaedah untuk menangani isu berkaitan prestasi utama sistem, terutamanya kualiti dan kecekapan serta pengaruh persekitaran global yang semakin mencorakkan landskap pendidikan tinggi.


Empat Lonjakan yang pertama memfokus pada keberhasilan warga pendidikan tinggi, termasuk pelajar dalam laluan akademik dan TVET, komuniti akademik dan seluruh rakyat Malaysia yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat. Enam Lonjakan seterusnya memberi tumpuan pada pemboleh (enablers) ekosistem pendidikan tinggi, merangkumi pembiayaan, tadbir urus, inovasi, pembelajaran dalam talian, pengantarabangsa dan penyampaian.



8.0 10 LONJAKAN DALAM PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2015-2025 (PENDIDIKAN TINGGI)


10

LONJAKAN
PPPM (PT)
2015-2025



9.0 POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2016-2020

PELAN STRATEGIK PKT 2016-2020




i - MATLAMAT 1

Graduan TVET yang berkualiti – holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang

Matlamat utama pendidikan di PKT ialah melahirkan graduan TVET yang berkualiti selaras dengan kepesatan perkembangan teknologi dan tuntutan industri yang memerlukan tenaga kerja yang kompeten dan berkualiti. Oleh yang demikian, ianya menjadi satu cabaran bagi PKT bagi menghasilkan graduan yang berpengetahuan, berkemahiran, berdaya saing dan juga yang bercirikan keusahawanan bagi mengupayakan mereka untuk meneroka bidang-bidang yang lebih mencabar.



MATLAMAT 1 : Graduan TVET Yang Berkualiti – Holistik, Bercirikan Keusahawanan Dan Seimbang



MATLAMAT 1 : Graduan TVET Yang Berkualiti – Holistik, Bercirikan Keusahawanan Dan Seimbang

- STRATEGI 1 : Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang membina dan membangun kecemerlangan akademik dan kualiti diri pelajar
- STRATEGI 2 : Membangun kecemerlangan akademik pelajar
- STRATEGI 3 : Memperkukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar
- STRATEGI 4 : Menghasilkan graduan yang berjiwa keusahawanan
- STRATEGI 5 : Membangun keterampilan, kecemerlangan sahsiah serta kemahiran generik pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Peratusan Program yang mempunyai kolaborasi aktif dengan Industri	Menjalankan kolaborasi aktif dengan industri/agensi/organisasi luar.	100%	100%	100%	100%	100%	KJ/KU
2	Peratusan program yang mencapai jam interaksi yang melibatkan pensyarah pelawat industri (PPI).	Meningkatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memfokus kepada pengetahuan, kemahiran dan keupayaan yang diperlukan untuk pengajian, pekerjaan dan kehidupan pelajar. Mendedahkan pelajar kepada pelbagai pengalaman pembelajaran yang berkualiti bagi merangsang pembelajaran dan meningkatkan pencapaian pelajar. Memantapkan penglibatan industri dalam perancangan dan pelaksanaan program pengajian melalui program Pensyarah Pelawat Industri.	70%	70%	70%	70%	70%	KJ JKE, KJ JTMK
3	Peratusan pelajar yang mencapai keputusan Band 4 dalam peperiksaan MUET.	Mempelbagaikan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian pelajar dalam MUET.	10%	10%	10%	10%	10%	KJ JPA
3	Bilangan pelajar yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan baik dikalangan pelajar politeknik.	Memantapkan perancangan dan pelaksanaan pelbagai program/aktiviti bagi mengukuhkan penguasaan Bahasa Inggeris semua pelajar.	40	70	95	140	205	KJ JPA

MATLAMAT 1 :

Graduan TVET Yang Berkualiti – Holistik, Bercirikan Keusahawanan Dan Seimbang

4	Bilangan pelajar yang menceburi bidang perniagaan / keusahawanan dalam tempoh 1 tahun setelah tamat pengajian	<p>Melaksanakan:</p> <p>1. Kursus keusahawanan dalam setiap struktur program pengajian.</p> <p>2. Program / Aktiviti Keusahawanan berstruktur (luar daripada kurikulum) seperti Program Pendedahan / Pembudayaan / Pembangunan / Pengukuhan Keusahawanan.</p> <p>3. Inkubator Keusahawanan: Penyediaan Inkubator ialah suatu ruang/tempat di dalam kampus untuk menjalankan perniagaan (contoh: booth, kiosk, gerai). Inkubator keusahawanan ditubuhkan khusus untuk membantu pelajar memulakan perniagaan dengan cara:</p> <p>i. Menyediakan ruang fleksibel.</p> <p>ii. Memberi khidmat nasihat dan sokongan (kertas kerja, perakaunan, pengiraan stok, harga, sumber, promosi, latihan, kemahiran).</p> <p>iii. Bantuan mendapatkan data</p> <p>iv. Jalinan dengan keusahawanan lain.</p> <p>Inkubator ini dapat menyediakan bakal usahawanan.</p>	400	450	500	550	600	KETUA UNIT KEUSAHAWANAN
5	Tahap kepuasan majikan terhadap graduan politeknik yang bekerja.	Menjalankan kajian persepsi majikan terhadap graduan PKT.	3.80	4.00	4.00	4.50	4.50	CISEC/PID
5	Peratusan graduat mendapat pekerjaan semasa konvokesyen	Menjalankan Kajian Pengesanan Graduan semasa konvokesyen.	90%	90%	90%	90%	90%	TRACER STUDY


ii - MATLAMAT 2

Kecemerlangan bakat akademik

Tenaga akademik merupakan tonggak kepada kecemerlangan akademik pelajar. Sehubungan itu, penekanan kepada peningkatan ilmu pengetahuan, bakat dan kreativiti terutama di dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran perlu dibuat penambahbaikan secara berterusan. Di samping itu, usaha-usaha dalam mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi bagi meningkatkan kompetensi juga diberi keutamaan agar graduan yang dihasilkan berkualiti dan seimbang.



MATLAMAT 2 : Kecemerlangan Bakat Akademik



MATLAMAT 2 : Kecemerlangan Bakat Akademik

- STRATEGI 1 : Membangun kecemerlangan pensyarah dalam pengajaran dan pembelajaran
- STRATEGI 2 : Membangun kecemerlangan pensyarah dalam penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam bidang kepakaran
- STRATEGI 3 : Mengukuh pengurusan pembangunan staf

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Peraturan PPPT yang mempunyai pengalaman industri / professional	<p>Menggalak dan meningkatkan penyertaan pensyarah dalam program Sangkutan Industri Pensyarah (SIP).</p> <p>Menggalak dan meningkatkan penyertaan pensyarah dalam kursus-kursus persijilan professional.</p> <p>Menggalakkan PPPT yang mempunyai kelayakan tertinggi PHD dalam bidang memohon untuk mendapat kelayakan profesional seperti IR, LAE, SR, AR, CR, CPA dan sebagainya atau Pensijilan industri seperti Islamic Planner oleh Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM), Mr Accounting, Microsoft, Adobe, Autodesk, Lestari dan lain-lain sijil yang setara.</p>	30%	40%	50%	60%	70%	KJ/KU ULPL
2	Bilangan kertas ilmiah yang diterbitkan di peringkat zon/kebangsaan/antarabangsa melalui pemerksaan penyelidikan	<p>Menerbitkan kertas ilmiah (kertas penyelidikan / kertas konsep / kajian tindakan) di dalam digest / jurnal / buku / prosiding (kertas penyelidikan lengkap) pada peringkat zon / kebangsaan / antarabangsa.</p> <p>Menggalakkan pensyarah mengikuti kursus / latihan / bengkel berkaitan penyelidikan dan menghasilkan inovasi.</p> <p>Meningkatkan koleksi penulisan dan penerbitan buku-buku ilmiah oleh pensyarah</p>	4	8	12	16	20	KU UPIK

MATLAMAT 2 : Kecemerlangan Bakat Akademik

3	Peratusan staf yang mengikuti 10 hari latihan dalam perkhidmatan setahun	<p>Menyediakan data keperluan latihan staf.</p> <p>Menyediakan inventori kepakaran staf akademik untuk tujuan latihan dan pendidikan staf akademik.</p> <p>Menyedia dan melaksana pelan pembangunan staf.</p> <p>Mengoptimumkan penggunaan mySTIMsys untuk membantu pengurusan dan pelaksanaan pembangunan staf.</p>	100%	100%	100%	100%	100%	KJ/KU ULPL
---	--	--	------	------	------	------	------	---------------



iii - MATLAMAT 3

Penghayatan pembelajaran sepanjang hayat

Pembudayaan pembelajaran berterusan perlu diterapkan dalam kalangan seluruh komuniti agar setiap warga mempunyai sifat kemandirian yang tinggi serta kemahiran yang pelbagai. Oleh yang demikian, PKT mengambil inisiatif bagi menyediakan perkhidmatan latihan yang bersesuaian mengikut keperluan semasa. Program-program PSH perlu dirancang secara sistematik bagi memastikan PKT menghasilkan program yang berkualiti dan memenuhi standard yang terbaik.



MATLAMAT 3 : Penghayatan Pembelajaran Sepanjang Hayat

MATLAMAT 3

Penghayatan pembelajaran sepanjang hayat

STRATEGI 1

Menjadikan PKT sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dengan mengukuhkan keupayaan penyampaian latihan dan pendidikan PSH mengikut keperluan komuniti persekitaran

MATLAMAT 3 : Penghayatan Pembelajaran Sepanjang Hayat

STRATEGI 1 : Menjadikan PKT sebagai pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dengan mengukuhkan keupayaan penyampaian latihan dan pendidikan PSH mengikut keperluan komuniti persekitaran

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Bilangan penyertaan program PSH	<p>Mengenalpasti dan menyediakan tenaga pengajar dari segi pengetahuan dan kemahiran untuk penyampaian PSH.</p> <p>Membangun modul-modul latihan dan pendidikan yang kreatif dan dinamik mengikut tahap dan keperluan komuniti.</p> <p>Melibatkan rakan kolaborasi dalam pembangunan dan penyediaan modul-modul latihan dan pendidikan.</p> <p>Menyedia dan mengekalkan kualiti infrastruktur dan kemudahan latihan dan pendidikan yang merangsang dan menyokong pelaksanaan program PSH.</p>	680	700	800	850	900	ULPL


iv - MATLAMAT 4

Kemantapan tadbir urus

Keunggulan urus tadbir sesebuah organisasi adalah bergantung kepada kemantapan proses pengurusan, kecekapan dan kemampuan pelaksana melaksanakan dasar dengan cemerlang, efektif dan sistematik . Keupayaan setiap warga yang mempunyai kemahiran dan kebolehan yang pelbagai diambilkira dan diterjemahkan di dalam struktur organisasi yang mantap bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan. Penerapan dan pembudayaan terhadap amalan yang baik dan nilai murni akan menjadikan warga PKT yang berintegriti, akauntabiliti dan mempunyai sahsiah diri yang tinggi ke arah pengurusan tadbir yang mantap.



MATLAMAT 4 : Kemantapan Tadbir Urus



MATLAMAT 4 : Kemantapan Tadbir Urus

- STRATEGI 1 : Menambahbaik tadbir urus organisasi dan meningkatkan kualiti pengurusan maklumat menggunakan ICT bagi memastikan keberkesanan sistem penyampaian, integriti dan akauntabiliti yang tinggi
- STRATEGI 2 : Mendapat dan mengekalkan pengiktirafan daripada badan-badan pengiktirafan luar sebagai bukti komitmen politeknik terhadap kualiti pendidikan, akauntabiliti kepada pemegang taruh dan kecemerlangan institusi

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Peratusan Pencapaian Prestasi Pendaftaran Aset Alih Kerajaan Dalam Sistem Pengurusan Aset (SPA)	<p>Memasti dan mengekalkan kecemerlangan dalam pengurusan aset kerajaan melalui SPA.</p> <p>Membangun sistem-sistem pengurusan berasaskan dalam talian bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan dan merealisasikan konsep komunikasi tanpa kertas.</p> <p>Mengoptimumkan penggunaan komunikasi elektronik bagi semua komunikasi yang tidak memerlukan kepada pengwujudan rekod bercetak.</p>	100%	100%	100%	100%	100%	TPA
2	Bilangan Anugerah Pengurusan Organisasi yang dimenangi / diiktiraf / diperakukan oleh Badan Penilai Bertauliah.	<p>Mendapat dan mengekalkan persijilan MS ISO 9001 bagi Sistem Pengurusan Kualiti politeknik.</p> <p>Memastikan dan mengekalkan akreditasi program pengajian oleh Agensi Kelayakan Malaysia bagi semua program pengajian politeknik.</p>	1	2	2	2	3	TPA/TPSA


V - MATLAMAT 5

Ekosistem Inovasi

Dasar pendidikan tinggi menjelaskan bahawa penyelidikan dan inovasi perlu dijadikan agenda utama dalam kalangan setiap warga politeknik. Justeru, usaha-usaha yang menjurus kepada penyelidikan dan inovasi perlu diperkasakan seiring dengan persekitaran yang menyokong kepada aktiviti tersebut.



MATLAMAT 5 : Ekosistem Inovasi



MATLAMAT 5 : Ekosistem Inovasi

- STRATEGI 1 : Menggalak dan meningkatkan bilangan penyelidikan dan penghasilan inovasi berimpak tinggi dalam kalangan pensyarah
- STRATEGI 2 : Membangun dan melestarikan keupayaan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan dalam kalangan staf dan pelajar PKT
- STRATEGI 3 : Membangun dan melestarikan kecemerlangan pensyarah dalam penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam bidang tujahan

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Produk Inovasi yang Diaplikasi	Meningkatkan penghasilan produk inovasi yang dapat diaplikasikan.	5	6	7	8	9	KUPIK
2	Bilangan produk inovasi yang mendapat perlindungan harta intelek (paten/pembaharuan utiliti/ hakcipta/reka bentuk perindustrian/cap dagangan)	Meningkatkan bilangan hasil penyelidikan dan inovasi yang difailkan dengan MyIPO.	3	4	5	6	7	KUPIK
3	Peratusan tahap pencapaian status Center of Technology (CoT)	Meningkatkan usaha penyelidikan dan inovasi. Mempertingkatkan P&P. Menyediakan perkhidmatan konsultansi. Mempergiatkan kolaborasi. Menerbitkan bahan-bahan ilmiah. Mendapatkan pengiktirafan dan penganugerahan. Menjana pendapatan.	45%	50%	55%	60%	65%	KJ/JTMK


vi - MATLAMAT 6

Keunggulan global

Pembinaan reputasi dan jenama pendidikan tinggi di tahap global menuntut setiap warga politeknik untuk mencari ruang dan peluang menembusi tahap antarabangsa. Penglibatan di dalam aktiviti samada akademik atau bukan akademik di persada antarabangsa merupakan platform dan peluang yang baik. Sehubungan itu, PKT mengambil inisiatif untuk meneroka dan berusaha meningkatkan keupayaan untuk mencapai tahap global.



MATLAMAT 6 : Keunggulan Global



MATLAMAT 6 : Keunggulan Global

- STRATEGI 1 : Meningkatkan keupayaan dan keberkesanan program dan aktiviti pengantarabangsaan politeknik
- STRATEGI 2 : Membina budaya pengantarabangsaan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta khidmat kepakaran politeknik
- STRATEGI 3 : Memperkukuhkan kolaborasi dengan institusi dan organisasi antarabangsa sedia ada serta memupuk jaringan kolaborasi yang baharu bagi meningkatkan capaian dan relevanan global

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Bilangan Penglibatan Staf di Peringkat Kebangsaan/ Antarabangsa	<p>Penglibatan aktif staf dalam sesuatu penganjuran program yang diiktiraf di peringkat kebangsaan/ antarabangsa.</p> <p>Menjalankan kajian serta menghasilkan penulisan seperti kertas konsep/kertas dasar/ kajian tindakan/ kajian sains sosial dan diserahkan untuk pembentangan.</p> <p>Membuat pembentangan sesuatu kajian sosial dan inovasi</p> <p>Menghasilkan produk dan laporan mengenai penyelidikan atau inovasi</p> <p>Mendaftarkan penerbitan dengan badan yang diiktiraf</p> <p>Menjadi panel/juri sesuatu program peringkat kebangsaan/antarabangsa</p> <p>Mendapat penganugerahan oleh badan bertauliah</p>	1	1	1	1	1	KUPIK

MATLAMAT 6 : Keunggulan Global

2	Peratusan penglibatan pelajar dalam aktiviti peringkat kebangsaan/antarabangsa	<p>Mengenalpasti dan membina pelajar yang mempunyai keupayaan untuk program/aktiviti pengantarabangsa</p> <p>Meningkatkan jumlah penyertaan pelajar dan staf dalam program/aktiviti peringkat antarabangsa melalui platform pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, khidmat kepakaran serta khidmat kemasyarakatan.</p>	20%	25%	30%	35%	40%	KJ HEP/UPPSi/USKK
---	--	--	-----	-----	-----	-----	-----	----------------------




vii - MATLAMAT 7

Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

Perkembangan teknologi maklumat terutama komunikasi dalam talian menjadi medium utama dalam kalangan generasi sekarang. Penggunaan internet telah menjadi satu kemestian dan keperluan di dalam kehidupan seharian. Justeru, teknologi ini dapat digunakan untuk meningkatkan keberkesanan kualiti dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan, penjimatan kos penyampaian, mudah capaian, dan membuka ruang kepada masyarakat global.



MATLAMAT 7 : Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global



MATLAMAT 7 : Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

- STRATEGI 1 : Meningkatkan pelaksanaan pembelajaran dalam talian bagi semua program pengajian di politeknik
- STRATEGI 2 : Meningkatkan kualiti dan keupayaan sistem, infrastruktur dan kemudahan pembelajaran dalam talian kampus PKT
- STRATEGI 3 : Menyemarakkan budaya penggunaan pembelajaran dalam talian bagi meningkatkan keupayaan dan kualiti penyampaian pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan serta inovasi PKT

STRATEGI	PETUNJUK PRESTASI	INISIATIF	SASARAN					PELAKSANA
			2016	2017	2018	2019	2020	
1	Peratusan kursus pengajian di Politeknik dalam mod Blended Learning.	<p>Menyediakan dan melaksanakan perancangan pembelajaran dalam talian yang sistematik bagi semua program pengajian.</p> <p>Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kreativiti tenaga pengajar dalam bidang pembelajaran digital atau dalam talian melalui pelaksanaan kursus, bengkel, seminar, perkongsian amalan terbaik dan lain-lain.</p> <p>Menambah koleksi bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang berkualiti menggunakan peralatan dan perisian yang terkini yang mudah dan percuma untuk diakses pelajar.</p>	70%	70%	70%	70%	70%	TPA/PEGAWAI E-LEARNING/UIDM
2	Bilangan MOOC (Massive Open Online Courses) yang dibangunkan.	<p>Menambah bilangan Technology Enable Collaborative Classroom (TECC) di setiap jabatan.</p> <p>Meningkatkan keupayaan capaian internet di dalam kampus.</p> <p>Menyediakan inventori bagi semua perkhidmatan dan sumber pembelajaran dalam talian yang terdapat dalam kampus.</p> <p>Menyediakan sistem yang memudahkan pengguna mengakses semua perkhidmatan dan sumber pembelajaran dalam talian dalam kampus</p>	0	1	2	3	4	TPA/PEGAWAI E-LEARNING/UIDM

MATLAMAT 7 : Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global

3	Bilangan video pembelajaran dan pengajaran yang dibangunkan untuk durasi minima 5-15 minit	Menyediakan peraturan dan prosedur berhubung pembelajaran dalam talian.	3	4	7	8	10	TPA/UIDM
3	Bilangan video pelaporan yang dibangunkan untuk durasi minima antara 2-3 minit.	<p>Menggalakkan rekabentuk dan pembangunan pembelajaran dalam talian dalam aktiviti penyelidikan, inovasi dan kolaborasi.</p> <p>Meluaskan capaian bahan-bahan pembelajaran dalam talian melalui kolaborasi bersama dengan IPT/sekolah dalam dan luar negara.</p> <p>Menganjurkan pameran, pertandingan, expo dan lain-lain yang berkaitan perkembangan teknologi dan penggunaan pembelajaran dalam talian.</p> <p>Memberi pengiktirafan kepada jabatan/pusat/unit serta warga PKT yang berjaya menyumbang dan menyemarakkan budaya pembelajaran dalam talian.</p>	5	10	15	15	20	TPA/UIDM

PENUTUP

Pelan Strategik PKT 2016-2010 merangkumi 7 matlamat yang telah ditetapkan ke arah memenuhi hasrat dan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi). Pendekatanersistematik dan kepelbagaian inisiatif telah dirangka agar semua strategi yang dirancang dapat dijayakan dan mencapai matlamat sebagaimana yang diharapkan.

Proses pemantauan dijalankan menerusi amalan peningkatan kualiti berterusan (CQI) bagi menjamin pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan. Pelan strategik ini adalah merupakan dokumen dan garapan idea yang bersifat dinamik agar sentiasa mampu berdaya saing seiring dengan perkembangan semasa.



CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PENERBITAN

CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PENERBITAN

2016 versi 1.0

Kementerian Pendidikan Tinggi
Malaysia

POLITEKNIK
MALAYSIA
KUALA TERENGGANU



AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN

PELAN STRATEGIK & BUSINESS PLAN

KETUA EDITOR & FASILITATOR
Suzana binti Mohd Ali

EDITOR
Marzuki bin Hussain
Abdul Halim bin Ahmad
Azhar bin Mahmud
Wati binti Mohamad
Mohd Zailani bin Sulong
Mohd Shafian bin Abdullah
Nik Roslini binti Nik Ibrahim
Abdul Ghani bin Jusoh
Endon binti Che Mat
Suria binti Embong
Maziah binti Mohamad

SETIAUSAHA
Rashid bin Mohamad

PEREKA
Muhammad Saifuddin Bin Mat Zain

Sekalung Penghargaan

Kepada

Pengarah,

Ahli-Ahli Mesyuarat Pengurusan

dan

Semua Warga

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

Yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam merealisasikan penghasilan naskah pelan strategik ini.



PELAN STRATEGIK

POLITEKNIK KUALA TERENGGANU
2016 - 2020

JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU

TEL: 09-6204100 FAX: 09-6204102

WEB: www.pkt.edu.my

E-MAIL: info@pkk.edu.my